

Makna Hidup dan Daya Ketahanan dalam Diri Gelandangan Bekas Banduan di Jalan Chow Kit

The Meaning of Life and Resilience in the Self of Homeless Ex-Prisoners on Jalan Chow Kit

Mohd Alif Jasni¹, Nazirah Hassan², Fauziah Ibrahim³, & Mohammad Rahim Kamaluddin⁴

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,
43600 Selangor, MALAYSIA

²Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia,
Sintok, 06010, Kedah, MALAYSIA

³Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Universiti Utara Malaysia,
Sintok 06010, Kedah, MALAYSIA

⁴Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5,
Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur, MALAYSIA

*Email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my / alevmikail@gmail.com

Published: 06 December 2022

To cite this article (APA): Jasni, M. A., Hassan, N., Ibrahim, F., & Kamaluddin, M. R. (2022). The Meaning of Life and Resilience in the Self of Homeless Ex-Prisoners on Jalan Chow Kit: Makna Hidup dan Daya Ketahanan dalam Diri Gelandangan Bekas Banduan di Jalan Chow Kit. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(2), 27–43. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.3.2022>

Abstrak

Kehidupan di jalanan memberi pelbagai cabaran kepada perjalanan hidup seorang gelandangan bekas banduan. Ketiadaan sistem sokongan dan kegagalan memenuhi keperluan asas yang mencukupi membuatkan golongan gelandangan bekas banduan ini berterusan hidup dalam tekanan dan kemudaratan. Keadaan sebegini sebenarnya membentuk makna hidup kerana tekanan hidup yang dilalui. Ia tercetus daripada kehidupan dan persekitaran yang dijalani sehingga membentuk makna hidup mereka tersendiri tentang kehidupan. Cabaran hidup juga memerlukan mereka untuk mempunyai daya ketahanan diri dalam menghadapi kehidupan sebagai gelandangan dan tekanan sekeliling. Oleh itu, sebuah kajian kualitatif telah dilakukan dengan menemu bual 15 orang gelandangan bekas banduan di sekitar Jalan Chow Kit. Hasil dapatan menemui dua tema utama. Bagi tema pertama iaitu makna dalam kehidupan, kajian memperoleh sub-tema berkaitan tentang menjalani kehidupan seperti biasa, menerima hakikat terhadap kehidupan (pasrah dan redha), cuba memastikan kelangsungan hidup dengan menunjukkan perasaan kecewa. Seterusnya, kajian ini mendapati dari segi bentuk daya ketahanan diri pula menunjukkan sub-tema seperti kemampuan menyesuaikan diri, ketahanan boleh berubah dari masa ke semasa dan mengatur diri dalam menghadapi peristiwa yang tidak menyenangkan. Hasil dapatan ini dapat digunakan dalam mendapatkan ilmu pengetahuan tentang gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian yang penting untuk diberikan penekanan. Kehidupan bergelandangan bagi bekas banduan membawa kepada keadaan hidup mereka yang mencabar sepanjang di jalanan.

Kata kunci: kehidupan jalanan, makna dalam kehidupan, daya ketahanan diri, gelandangan bekas banduan

Abstract

Life on the streets presents various challenges to the life journey of a homeless ex-prisoner. The absence of support system and the failure to meet adequate basic needs have made these homeless ex-prisoners continue to live in a stressful life and harm. This kind of situation actually form the meaning of life because of the life pressure that they have gone through. It is caused by their life and environment they live in until they form their own meaning of life. The challenges of life also require them to develop resilience in facing life as homeless and surrounding pressures. Therefore, a qualitative study was conducted by interviewing 15 homeless ex-prisoners around Chow

Kit Road. The findings find two main themes. For the first theme which is the meaning in life, the study obtains related sub-themes about living a normal life, accepting the reality of life (surrender and contentment), trying to ensure survival by showing feelings of dissatisfaction. Furthermore, the study finds that in terms of the form of self-resilience, it shows sub-themes such as adaptability, resilience can change over time and organize themselves in the face of unpleasant events. The results of the findings can be used to gain knowledge about the homeless ex-prisoners as important subject research to be emphasized. The life of homeless ex-prisoners leads to their challenging living conditions while on the streets.

Keywords: *street life, meaning in life, resilience, homeless ex-prisoners, Jalan Chow Kit*

Pengenalan

Masalah gelandangan merupakan suatu fenomena sosial yang berlaku di seluruh negara di dunia. Isu gelandangan ini mampu memberi impak kepada negara, masyarakat dan individu sekeliling. Kehidupan golongan gelandangan ini biasanya didapati menjalani hidup tanpa mempunyai rumah atau tempat tinggal yang stabil. Gelandangan juga dilihat sebagai golongan yang tidak mempunyai perkerjaan yang stabil dan mengalami masalah dari segi kewangan. Para gelandangan ini sering dijumpai dan berkumpul di kemudahan awam, stesen tren, lampu isyarat dan juga bawah jambatan. Mereka hanya tinggal dan tidur pada waktu malam di kaki lima bangunan beralaskan kotak-kotak yang dikutip di tempat pembuangan sampah. Golongan ini banyak didapati berkeliaran di kawasan bandar-bandar besar seperti bandar Kuala Lumpur, Johor Bahru, Georgetown dan sebagainya. Gelandangan harus berjuang keras dalam memastikan kelangsungan hidup dengan mengguna pakai pelbagai strategi seperti menjadi pengemis, menjual barang terpakai, mengutip tin dan kotak. Terdapat juga yang terlibat dalam aktiviti terlarang dengan menjual dadah, mengedar dadah dan terlibat dalam aktiviti pelacuran.

Dalam membincangkan tentang isu gelandangan yang berlaku, terdapat suatu segmen gelandangan yang berada dalam kalangan yang mempunyai pelbagai rekod jenayah lampau dan ketagihan melampau. Mereka ini dalam kalangan gelandangan bekas banduan yang menjadi gelandangan apabila setiap kali dibebaskan. Pada hari ini, bekas banduan yang berakhir hidup menjadi gelandangan boleh terjadi di atas pelbagai sebab. Terdapat punca sosial mengapa gelandangan bekas banduan tidak memiliki tempat tinggal, seperti ketidakmampuan untuk menyewa rumah, kemiskinan, masalah ketagihan yang berterusan dan pengangguran dan juga peristiwa atau trauma yang berlaku dalam hidup yang mendorong bekas banduan ini menjadi gelandangan. Pada dasarnya, tidak ada seorang bekas banduan yang baru dibebaskan ingin mengakhiri hidupnya dengan menjadi gelandangan. Setiap bekas banduan semestinya menanam impian untuk berubah, menjalani kehidupan baik, menjadi individu yang produktif serta patuh kepada undang-undang apabila selesai menjalani hukuman pemulihan. Falsafah hukuman itu sendiri adalah untuk membentuk seorang bekas banduan agar menjadi seorang yang berguna kepada masyarakat. Malahan objektif penjara adalah memastikan apabila setiap kali mereka dibebaskan, golongan bekas banduan ini mampu berintegrasi dan berasimilasi semula ke dalam komuniti. Namun keadaan hidup yang mencabar menyebabkan kesukaran kepada golongan bekas banduan ini untuk mencapai proses integrasi semula yang berjaya dan lancar. Cabaran demi cabaran sepanjang dibebaskan boleh menyebabkan gelandangan bekas banduan tidak mempunyai pilihan lain melainkan memilih hidup menjadi gelandangan.

Isu gelandangan bekas banduan perlu segera dibangkitkan dan dibincangkan dengan teliti. Pengakhiran bekas banduan menjadi gelandangan apabila dibebaskan dari penjara boleh menjadi salah satu isu sosial yang sedang berlaku di dalam negara. Mana-mana negara di dunia tidak terlepas daripada menyaksikan fenomena bekas banduan yang dibebaskan dari penjara terpaksa berakhir sebagai gelandangan. Mereka ini merupakan golongan yang paling terkesan antara pelbagai segmen lain di dalam kelompok gelandangan. Mereka bukan sahaja didiskriminasi disebabkan status mereka sebagai gelandangan, malahan disebabkan rekod jenayah yang dipegang sepanjang hidup. Malah jika dilihat dari sudut sejarah, pengkaji melihat isu gelandangan telah sekian lama wujud di dunia semenjak pada zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Golongan gelandangan pada ketika zaman Nabi Muhammad SAW dikenali sebagai "Banu Mudhar" atau perkataan yang mudah difahami ialah golongan melarat (Mohd

Shukri, 2016). Begitu juga jika diteliti, golongan gelandangan juga dilaporkan telah muncul sejak zaman kolonial, dan jumlah gelandangan meningkat sejak zaman pendudukan Jepun dan kemerdekaan. Menurut Syazwani (2016), perkataan gelandangan juga turut digunakan pakai di negara Indonesia. Namun, makna dan skop gelandangan di negara Malaysia dan Indonesia sama sekali tidak menunjukkan keadaan atau situasi yang sama meskipun penggunaan istilah adalah sama.

Berbalik kepada isu gelandangan bekas banduan yang ingin diketengahkan ini, mereka adalah dalam kalangan individu bekas banduan yang tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap sehingga menyebabkan fizikal seseorang individu tersebut berada dalam keadaan yang tidak terurus. Isu gelandangan bekas banduan ini membawa kepada kesan terhadap kesihatan seseorang individu yang bergelar gelandangan kerana keadaan hidup berpindah-randah menyebabkan tahap kesihatan seperti jangkitan kuman pada kulit, masalah fizikal dan mental serta mudah terjebak dalam aktiviti penyalahgunaan dadah (Wright & Tomkins, 2006). Rentetan isu gelandangan ini juga menyebabkan masyarakat memberi layanan negatif kepada gelandangan ini. Sebahagian besar sering menganggap mereka ini hanyalah golongan yang menjadi pengemis yang perlu dijauhkan dan menganggap mereka ini terlibat dalam kes-kes jenayah seperti meragut, mencuri, gangguan seksual dan sebagainya. Walaupun golongan gelandangan ini sebenarnya tidak mahu hidup dalam situasi seperti ini, namun mereka sering melihat situasi yang terjadi ini sebagai satu takdir ataupun ujian dalam kehidupan mereka.

Tambahan lagi, gelandangan bekas banduan mempunyai pengalaman hidup ataupun peristiwa hidup yang sangat memeritkan. Pengalaman trauma telah menjadikan diri mereka tidak terurus dan memberi kesan hidup yang berpanjangan. Kehidupan mereka ibarat kitaran hidup yang berterusan. Pemulihan demi pemulihan yang dilalui di penjara tidak mampu membantu golongan ini. Mereka akan berakhir semula sebagai gelandangan apabila dibebaskan. Program pemulihan yang disediakan di dalam penjara ternyata tidak mampu mempersiapkan golongan ini untuk menghadapi dunia di sebalik penjara. Mereka yang dibebaskan akan kembali ke jalanan semula walaupun telah melalui proses pemulihan yang ditetapkan ke atas mereka. Kehidupan gelandangan ini merupakan satu tekanan yang boleh dianggap serius dan mampu untuk menjejaskan fungsi kognitif, tingkah laku serta fizikal individu yang bergelandangan ini (Drani et al, 2019).

Golongan gelandangan bekas banduan ini bukanlah insan yang sememangnya lahir untuk ditakdirkan hidup di kaki lima. Mereka ini golongan yang hadir dengan pelbagai penderitaan dan pengalaman hidup yang berbeza. Terdapat dalam kalangan mereka yang berasal dari keluarga yang berpecah belah dan berantakan. Malahan, ada juga yang hidup sebagai seorang penjenayah disebabkan kemiskinan yang menghimpit semenjak dari kecil. Kemiskinan memberi tekanan hidup yang membawa kepada pemilihan jalan gelap sepanjang membesar. Ketiadaan pilihan yang banyak menyebabkan wujudnya dalam kalangan mereka yang menghadapi situasi kehilangan pertimbangan dalam membuat keputusan. Maka, rata-rata mereka ini telah tersilap langkah dan masuk ke dalam kancah jenayah (Mohd alif et al., 2021a). Kesemua ini memberi kesan kepada sejauhmana mereka melihat makna dalam kehidupan mereka (Mohd Alif et al., 2021b).

Kehidupan jalanan yang sukar memerlukan pembentukan daya ketahanan diri yang kuat untuk kelangsungan hidup. Oleh itu, kajian ini ingin menganalisis bentuk daya ketahanan diri yang dihasilkan oleh gelandangan bekas banduan apabila menghadapi kesukaran hidup selepas dibebaskan. Keperluan dalam memahami kehidupan gelandangan bekas banduan adalah penting bagi memahami makna hidup berintegrasi semula dan pembentukan daya ketahanan diri mereka.

Kajian Literatur

Senario Gelandangan Bekas Banduan

Menurut Alowaimer (2018), faktor utama yang menyebabkan kepada berlakunya gelandangan adalah ketiadaan pekerjaan dan pengangguran yang terlalu lama. Mereka ini berharap untuk mendapatkan

pekerjaan bagi memenuhi keperluan seperti makanan, tempat tinggal dan sebagainya. Pengangguran boleh dikatakan sebagai suatu perkara akar yang mendasari pelbagai lagi masalah sosial yang lain. Ketiadaan pekerjaan menyebabkan individu tidak mempunyai pendapatan sehingga menyebabkan individu berada dalam kemiskinan dan tidak mampu untuk mendapatkan tempat tinggal sama ada membeli atau menyewa rumah. Perkara ini mengekang mereka daripada mempunyai keperluan tempat tinggal dan menyebabkan mereka terpaksa mengambil keputusan untuk menjadi gelandangan. Kajian Mohd Suhaimi et al. (2016) menyatakan terdapat golongan gelandangan yang mempunyai pekerjaan, namun menerima jumlah gaji yang kecil dan tidak mampu untuk menyewa rumah. Ia berpunca daripada kos upah yang rendah, kos sara hidup yang tinggi dan majikan yang mengambil kesempatan serta tidak menjaga perihal kebajikan pekerja mereka.

Majoriti gelandangan bekas banduan ini sering dikaitkan dengan ketiadaan pekerjaan yang stabil. Terdapat sebahagian dari mereka memilih untuk berniaga sendiri berbanding kerja memakan gaji dengan majikan. Mereka ini adalah golongan yang menginginkan kebebasan dan tidak mahu berada di bawah peraturan majikan. Keadaan hidup tanpa pekerjaan yang stabil menjadikan punca pendapatan yang tidak tetap setiap hari. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka menghadapi kegagalan dalam memenuhi keperluan asas yang diperlukan sepanjang hidup. Stigma masyarakat yang memandang serong kepada golongan gelandangan bekas banduan juga menyebabkan mereka sukar untuk diterima dalam komuniti kerana menghadapi pelbagai pendiskriminasian dari masyarakat sekeliling. Ketiadaan pekerjaan ini telah menyukarkan lagi golongan ini untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Oleh itu, seseorang bekas banduan boleh menjadi gelandangan kerana hidupnya tiada arah tuju untuk menjadi manusia yang berwawasan.

Tambahan pula, pengabaian keluarga juga berlaku kerana mereka tidak mempercayai gelandangan bekas banduan. Ini kerana perasaan ketakutan dan stereotaip terhadap golongan bekas banduan bahawasanya golongan banduan ini mampu untuk mengulangi tingkah laku jenayah (Mohd Alif et al., 2021a). Oleh itu, hubungan antara ahli keluarga yang lemah telah mendorong kepada kekurangan sistem sokongan kepada gelandangan bekas banduan. Di samping itu, latar belakang gelandangan yang terlibat dengan dadah ini turut memberi kesan buruk kepada perjalanan kehidupan mereka. Sejarah hitam yang dialami oleh gelandangan ini menguatkan lagi faktor yang menyebabkan mereka ketagihan dadah. Ini kerana terdapat gelandangan yang datang daripada keluarga yang bermasalah, mangsa keganasan rumah tangga, masalah kesihatan mental dan sebagainya. Hal ini telah mendorong gelandangan tersebut untuk terjebak dalam gejala dadah. Terdapat stigma yang mengatakan bahawa dadah dapat menghilangkan tekanan yang dihadapi oleh seseorang. Justeru, apabila mereka mempunyai masalah, mereka mengambil pendekatan untuk menghisap dadah dan akan menimbulkan perkara yang lebih serius seperti dibuang keluarga dan tidak diterima oleh masyarakat.

Di samping itu, isu gelandangan dalam kalangan bekas banduan ini boleh memberi satu impak negatif kepada tahap kesihatan fizikal mereka. Ini kerana gelandangan bekas banduan yang memilih untuk tinggal di kawasan kaki lima atau di bawah jambatan sangat terdedah kepada pencemaran yang boleh memudaratkan kesihatan diri mereka sendiri. Dengan masalah kesihatan fizikal yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan ini boleh menyebabkan masalah baru iaitu masalah dari segi mental. Ini terjadi kerana golongan gelandangan bekas banduan ini terlalu memikirkan masalah yang dihadapi sehingga menyebabkan wujudnya masalah tekanan perasaan yang sedikit sebanyak memberi impak terhadap kehidupan mereka. Selain itu, persepsi negatif yang sentiasa dilontarkan oleh masyarakat tempatan terhadap golongan gelandangan bekas banduan ini juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka merasa terpinggir. Kebanyakan masyarakat luar juga menganggap golongan gelandangan bekas banduan ini merupakan kelompok yang wajar dijauhi. Cabaran demi cabaran hidup yang dialami sebenarnya memberi kesan dalam pembentukan makna hidup dalam diri gelandangan bekas banduan. Kehidupan bergelandangan mampu membuatkan mereka membentuk makna dalam hidup disebabkan oleh keadaan sekeliling. Oleh itu, bahagian seterusnya akan menjelaskan tentang makna dalam kehidupan bagi membolehkan pemahaman yang lebih jelas tentang konsep ini.

Makna dalam Kehidupan Berintegrasi Semula Gelandangan Bekas Banduan

Kajian ini meneliti landskap yang lebih khusus bagi meneroka makna dalam kehidupan berintegrasi semula gelandangan bekas banduan sepanjang hidup. Ini kerana sifat ingin tahu yang mendalam membuatkan pengkaji ingin memahami makna dalam kehidupan berintegrasi semula buat gelandangan bekas banduan. Secara takrifan, definisi tentang makna dalam kehidupan adalah berbeza (Steger et al., 2006). Kehadiran makna dalam hidup merujuk kepada sejauhmana seseorang individu menganggap hidupnya bermakna, di mana pencarian makna merujuk kepada penerokaan aktif untuk mencari makna dalam kehidupan (Kiang & Fuligni, 2009). Makna dalam kehidupan adalah inti dari kewujudan manusia dan sangat berpengaruh dalam menentukan kesejahteraan seseorang (Ang & Jiaqing, 2012). Apabila melihat cabaran hidup yang dilalui oleh gelandangan bekas banduan, ianya membawa persoalan tentang apa makna dalam kehidupan yang terbentuk dalam diri gelandangan bekas banduan. Ini kerana makna dalam kehidupan boleh menjadi factor utama kepada kesihatan subjektif dan kesejahteraan psikologi pada masa remaja. Menurut Brassai, Piko dan Steger (2010), makna yang lebih besar dalam kehidupan dikaitkan dengan kepuasan hidup, harga diri, dan kesan positif (Hicks & King, 2007), kebahagiaan (Siahpush, Spittal & Singh, 2008), optimisme (Steger et al., 2006), kepuasan hidup (Steger & Kashdan, 2007) sebagai petunjuk positif fungsi psikologi optimum dalam kalangan belia (Steger, 2012). Kesemua elemen ini perlu diterokai apabila melibatkan gelandangan bekas banduan. Mereka merupakan golongan kumpulan marginal yang masih belum difahami dengan teliti. Golongan ini terpinggir daripada kehidupan masyarakat tanpa mendapat sebarang bentuk sokongan dan bantuan. Mereka ini hidup berterusan di jalanan sehingga akhir usia kerana tiada peluang untuk keluar daripada kehidupan jalanan. Malahan, pilihan untuk mengubah diri adalah sangat rendah buat golongan gelandangan bekas banduan ini.

Pembinaan makna dalam kehidupan telah mendapat perhatian sarjana dalam banyak bidang psikologi dan perubatan (Brandstätter et al., 2012). Ini disebut dalam pelbagai cara, misalnya, sebagai pengertian ketertiban, koherensi, dan tujuan dalam keberadaan seseorang, mengejar dan mencapai tujuan yang bermanfaat serta rasa terpenuhi sepanjang kehidupan. Walaupun terdapat penilaian secara teoritis dan empirik tentang pengukuran makna dalam kehidupan yang telah diterbitkan sebelum ini, tetapi ianya tidak memberikan gambaran menyeluruh tentang semua tindakan yang tersedia, bersama dengan keupayaan untuk mengenal pasti aspek yang mereka nilaikan (Fjelland, Barron, & Foxall, 2008). Menurut Steger, Oishi dan Kesebir (2011), kewujudan seseorang itu bermakna, atau mempunyai tujuan penting dalam hidup, dilihat sebagai komponen kritikal untuk menjadi manusia dan membentuk kesejahteraan hidup.

Menurut Martela dan Steger (2016), persoalan kekal mengenai makna dalam kehidupan baru-baru ini menjadi pencetus peningkatan teori (contohnya, Wong, 2012a, 2012b), dan minat empirikal (misalnya, King et al., 2006; Steger et al., 2006). Hal ini jelas menunjukkan bahawa mengalami makna dalam kehidupan adalah penyumbang penting kepada kesejahteraan dan kesihatan (Steger, 2009; Heintzelman & King, 2014). Penyelidikan melihat penyumbang yang berbeza terhadap rasa makna hidup yang telah berkembang pesat (Hicks, Schlegel & King, 2010; King et al., 2006). Walaupun terdapat kemajuan, banyak pemerhati (Heintzelman & King, 2014; Leontiev, 2013) menyatakan bahawa bidang ini masih mengalami kesamaran definisi dan pendekatan sederhana yang mengabaikan kerumitan dan konsep yang pelbagai dalam kehidupan sebagai konstruk.

Namun, Wong (2012a) menemui empat komponen makna yang terpisah dan enam soalan berbeza yang berkaitan dengan makna eksistensial. Manakala, Leontiev (2006) mengembangkan model makna tiga dimensi. Namun, sarjana lain menyatakan bahawa makna dan tujuan telah diperlakukan sebagai 'konstruk yang serupa dalam beberapa keadaan dan konstruk yang berbeza pada yang lain' sehingga menimbulkan kekeliruan (George & Park, 2013.). Oleh itu, sebelum bidang tersebut dapat membuat kemajuan teori dan empirik yang signifikan, kita perlu mengatasi 'kesamaran definisi yang tidak menyenangkan dari konstruk' (Heintzelman & King, 2013) dan mempunyai penjelasan lebih lanjut mengenai persoalan asas: Apa yang kita minta ketika kita bertanya tentang makna dalam kehidupan? Hal ini perlu diteliti segera. Apa yang dapat diperolehi apabila ditanya dari gelandangan bekas banduan

tentang makna dalam kehidupan mereka? Kajian tentang makna dalam kehidupan ini bersifat subjektif dan boleh membawa kepada pelbagai interpretasi berbeza kepada setiap individu. Bagaimana kalau ditanya pada seseorang yang sedang melalui kehidupan yang sukar dengan cabaran hidup yang melampau? Ia menimbulkan tanda tanya apabila menjadikan gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian ini.

Keadaan ini menjadikan kajian ini penting untuk menyelidiki tentang makna dalam kehidupan dalam diri gelandangan bekas banduan sepanjang dibebaskan dari penjara. Ia boleh mengisi kelompangan yang wujud dalam bidang ini apabila mengkaji gelandangan bekas banduan dan integrasi semula dari sudut yang berbeza daripada kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan. Pemahaman integrasi semula gelandangan bekas banduan dari sudut makna kehidupan dalam diri dapat memberi ilmu baru dalam bidang sosiologi bagi yang mengkaji golongan ini sebagai sebuah kelompok komuniti yang wujud. Keadaan ini membolehkan proses menyelami makna dalam kehidupan berintegrasi semula untuk diri mereka.

Daya Ketahanan Gelandangan Bekas Banduan dalam Kehidupan

Keadaan hidup dan kesukaran proses integrasi semula memerlukan pembentukan daya ketahanan diri bagi menjalani kehidupan. Kelangsungan hidup ketika berada di dalam komuniti bermasyarakat menyebabkan gelandangan bekas banduan perlu menghasilkan bentuk daya ketahanan diri dalam menghadapi proses integrasi semula. Kehidupan berintegrasi semula bukan suatu yang mudah kepada gelandangan bekas banduan. Pengulangan jenayah dan keluar masuk penjara boleh membentuk trauma dalam diri seseorang gelandangan bekas banduan (Mohd Alif et al. 2021b). Keadaan ini menyebabkan mereka perlu mempersiapkan diri dengan bentuk daya ketahanan yang sesuai untuk menghadapi keadaan tersebut. Oleh itu, adalah penting untuk membincangkan secara terperinci tentang bentuk daya ketahanan diri yang terhasil dalam menghadapi kesukaran. Ketiadaan kajian yang memfokuskan daya ketahanan diri dalam gelandangan bekas banduan sepanjang dibebaskan dari kehidupan berkomuniti, menyebabkan pengkaji mengambil inisiatif untuk menyelidiki isu ini.

Manusia bertindak balas terhadap peristiwa tekanan dengan cara yang berbeza, bergantung kepada peristiwa tersebut dan pada strategi peraturan yang mereka pilih (Bonanno & Diminich, 2013). Psikologi telah lama memperhatikan cara-cara bagaimana manusia bertindak balas dan mengatur diri mereka dalam menghadapi peristiwa yang tidak menyenangkan atau mencabar. Penyelidikan dan teori selama setengah abad yang lalu meningkat dengan sejumlah bukti yang signifikan mengenai peranan yang ditangani serta strategi pengaturan emosi bermain dalam penyesuaian keseluruhan (Folkman & Moskowitz, 2004; Lazarus & Folkman, 1984). Istilah "ketahanan tersembunyi" telah digunakan untuk menunjukkan bahawa tingkah laku yang tidak konvensional dan antisosial dapat digunakan untuk bertahan di tengah-tengah kesulitan (Ungar, 2004). Secara amnya, definisi daya ketahanan diri merujuk kepada kesihatan mental dan hasil perkembangan yang baik, walaupun terdedah kepada masalah yang ketara (Luthar, Cicchetti & Becker, 2000; Rutter, 2006).

Walau bagaimanapun, berkait dengan literatur risiko, pemahaman tentang daya ketahanan diri dalam kalangan gelandangan bekas banduan masih terhad. Namun, terdapat kajian yang mula membincangkan tentang daya ketahanan dalam gelandangan belia (Perron, Cleverley, & Kidd, 2014). Terdapat penemuan yang menunjukkan kepentingan pembentukan daya ketahanan diri dalam memastikan kelangsungan hidup di jalanan dan relevansi pemahaman daya ketahanan diri terhadap pengembangan intervensi yang berkesan untuk membantu remaja membentuk daya ketahanan diri di jalanan (Kidd et al., 2007). Sehingga kini, kebanyakan penyelidikan mengenai daya ketahanan diri yang dilakukan dalam kalangan remaja gelandangan adalah bersifat kualitatif. Temu bual dengan pemuda gelandangan telah mendedahkan beberapa tema yang berkaitan tentang ketahanan, kebebasan dan mempunyai "jalanan pintar", rasa penguasaan peribadi, kemampuan menyesuaikan diri, dan penurunan reaksi terhadap pendapat serta tingkah laku orang lain (Bender et al., 2007). Keadaan ini membuatkan pengkaji ingin meneliti bentuk daya ketahanan diri yang digunakan oleh gelandangan bekas banduan sepanjang hidup bergelandangan di jalanan ini. Ia membolehkan pengetahuan kepada bidang ilmu

tentang gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian ditambah. Kajian sebegini dapat memberi sumbangan dalam memahami gelandangan bekas banduan ini dengan lebih mendalam.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji pandangan gelandangan bekas banduan tentang makna dalam kehidupan dan bentuk daya ketahanan hidup dalam melalui kehidupan di jalanan. Kaedah kualitatif ini amat bertepatan dengan objektif kajian untuk meneroka dan menyelami pengalaman gelandangan bekas banduan sebagai subjek kajian. Ia membolehkan gelandangan bekas banduan berkongsi pandangan dan pengalaman mereka sepanjang hidup di jalanan. Kajian ini telah dijalankan di Kuala Lumpur yang menjadi lokasi penumpuan gelandangan bekas banduan ini, terutamanya mereka yang tertumpu di sekitar Kuala Lumpur apabila setiap kali dibebaskan dari penjara. Keadaan ini menjadikan pemilihan Kuala Lumpur sebagai lokaliti adalah sangat bersesuaian dan strategik. Pada masa yang sama, terdapat sebuah NGO yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab yang membantu pengkaji dalam mendapatkan jumlah sampel yang diperlukan. Keadaan ini membolehkan pengkaji mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah fenomenologi dalam meneroka pandangan gelandangan bekas banduan tentang makna dalam kehidupan dan bentuk daya ketahanan yang digunakan dalam menjalani kehidupan di jalanan. Dengan menggunakan kaedah fenomenologi, pengkaji telah menggunakan protokol temu bual yang telah dibentuk berdasarkan kajian literatur yang dianalisis. Soalan protokol temu bual telah melalui semakan pakar bagi memastikan soalan yang ditanya ini berupaya menjawab objektif kajian yang cuba dicapai. Dalam kajian ini, pengkaji sedar tentang kesukaran dalam mendapatkan jumlah sampel yang tinggi memandangkan kehidupan mereka lebih jauh daripada perhatian orang ramai. Keadaan ini membuatkan pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bola salji. Hasil pencarian informan telah membawa kepada penemuan 15 orang informan gelandangan bekas banduan. Mereka telah ditemu bual dalam tempoh 45 minit sehingga sejam bagi setiap orang informan. Pengkaji telah menghentikan pencarian informan pada informan yang ke-15 memandangkan pengkaji mendapati kajian telah mencapai tahap ketepuan yang diperlukan. Setiap kali sesi temu bual dijalankan, pengkaji akan memastikan langkah keselamatan dilakukan dengan membuat semakan suhu, dan ujian sendiri berkaitan pandemik COVID-19. Seterusnya, pengkaji meneruskan dengan membincangkan tentang tujuan kajian dan hak mereka sebagai informan sepanjang kajian dijalankan. Pengkaji memaklumkan kajian tersebut adalah bertujuan untuk penyelidikan, dan nama mereka akan dirahsiakan, Mereka berhak untuk tidak menjawab sebarang soalan yang dilihat tidak bersesuaian dan mereka boleh menghentikan sesi temu bual sekiranya enggan lagi ditemu bual. Sebaik memberi makluman tentang tujuan kajian, pengkaji mendapatkan akuan persetujuan bahawa mereka bersetuju dengan rela hati untuk mengikuti kajian ini.

Teknik Analisis Data

Proses analisis data merupakan bahagian yang paling penting sekali. Pertama, pengkaji memulakan proses untuk menyalin semua rakaman temu bual ke dalam bentuk transkrip. Pengkaji melihat proses penyalinan rakaman temu bual mengambil masa yang lama. Hal ini kerana keperluan kepada penelitian pengkaji terutama dalam memastikan setiap rakaman suara untuk itu dapat dianalisis secara *verbatim*. Dalam kajian ini, pengkaji menjalankan proses penyalinan rakaman temu bual yang dilakukan secara manual. Pengkaji telah menggunakan perisian *Microsoft Word*. Sebaik selesai peringkat ini, pengkaji telah memindahkan kesemua dokumen transkrip ke dalam perisian *Atlas.ti*. Pengkaji menggunakan kaedah tematik sepanjang membuat pengekodan data. Pengkaji telah membuat kod pada transkrip berdasarkan sub-tema yang ada. Pengkaji perlu menggunakan pengetahuan dan pemahaman pengkaji

dalam membuat interpretasi tentang transkrip ini. Kajian penganalisisan berbentuk kualitatif adalah bersifat subjektif. Maka, pengetahuan pengkaji tentang subjek kajian adalah sangat penting untuk digunakan. Pengkaji telah mengenal pasti pelbagai kod yang dapat ditemukan dari transkrip tersebut. Kod-kod ini dinamakan mengikut sub-tema yang dilihat bersesuaian dengan objektif kajian. Pengkaji telah menggabungkan mana-mana sub-tema yang berada di dalam kelompok yang sama sebagai tema *superordinat*. Sebaik selesai kesemua proses pengekodan dan memiliki kesemua sub-tema dan tema *superordinat*, pengkaji telah memulakan proses menulis dan membuat perbincangan.

Dapatan Kajian

Profil Demografi Sosial Responden Kajian Gelandangan Bekas Banduan

Pengkaji telah menggantikan nama sebenar dengan nama gantian bagi merahsiakan identiti mereka. Hal ini bertetapan dengan nilai etika yang cuba dicapai. Kesemua maklumat demografi informan telah dimasukkan ke dalam jadual 1. Hasil kajian menunjukkan bahawa informan ini telah hidup bergelandangan melebihi tempoh setahun. Manakala, hasil kajian lagi mendapati seramai empat (4) orang informan yang telah bergelandangan melebihi 20 tahun. Keadaan ini membuktikan bahawa kehidupan sebagai gelandangan ini sangat mencabar kerana mereka sukar untuk keluar daripada kehidupan bergelandangan ini. Jadual ini menunjukkan bahawa daripada jumlah seramai 15 orang informan, didapati 14 adalah dalam kalangan lelaki dan hanya seorang sahaja informan wanita yang terlibat. Dalam kajian ini, adalah sangat mencabar untuk mendapatkan sampel dalam kalangan wanita. Namun demikian, penggunaan 15 orang informan gelandangan bekas banduan masih berupaya mencapai objektif kajian. Ini kerana objektif kajian ini bukan bertujuan untuk membuat perbandingan di antara lelaki dan wanita, tetapi melihat dapatan secara umum tanpa melibatkan perbandingan di antara jantina. Maka, pengkaji melihat ia tidak mendatangkan sebarang kekurangan kepada pencapaian objektif yang cuba dicapai.

Dari segi umur pula, didapati umur informan adalah dalam lingkungan 30 sehingga 80 tahun. Majoriti mereka menunjukkan pengulangan laku jenayah iaitu mempunyai rekod pemenjaraan berulang. Hanya empat orang sahaja menunjukkan banduan kali pertama iaitu yang mempunyai hukuman penjara sekali (*first-time offender*). Seramai 12 orang informan didapati telah ditangkap atas kesalahan dadah. Seramai sembilan orang informan didapati mempunyai masalah penyalahgunaan dadah. Rata-rata informan menunjukkan masalah penyalahgunaan yang sangat tinggi dengan pelbagai jenis dadah termasuk ganja dan heroin. Namun, kajian ini mendapati terdapat empat orang informan mengaku bahawa mereka telah berjaya menghentikan diri dari ketagihan, manakala seramai dua orang informan mengatakan mereka tidak mempunyai masalah penyalahgunaan dadah sebelum ini. Apa yang lebih menarik untuk direkodkan di dalam kajian ini, walaupun mereka hidup bergelandangan untuk tempoh yang panjang, namun seramai sembilan orang informan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah penyakit kronik mahupun berjangkit. Pengkaji tertarik dengan dapatan ini apabila melihatkan gaya hidup yang diamalkan serta rekod mereka yang mempunyai ketagihan dadah.

Dalam jadual 1, pengkaji mendapati seramai lapan orang informan telah mengalami penolakan keluarga. Kebanyakan mereka mengatakan enggan untuk mengganggu ahli keluarga. Keadaan ini membuatkan kebanyakan mereka mengambil keputusan untuk membawa diri ke Kuala Lumpur dengan memilih hidup sebagai gelandangan. Seramai lapan orang responden masih bujang. Hanya seorang informan yang telah berkahwin. Manakala yang selebihnya, berstatus duda atau janda. Keadaan ini telah membawa kepada persoalan tentang makna dalam kehidupan yang terbina dalam diri serta bentuk daya ketahanan diri yang digunakan sepanjang hidup di jalanan. Oleh itu, dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua sub-topik yang berbeza bagi membolehkan perbincangan yang lebih jelas.

Jadual 1: Profil Demografi Sosial Responden Gelandangan Bekas Banduan

No.	Demografi Responden	Jantina	Negeri Asal	Umur	Taraf Pendidikan	Jumlah pemenjaraan	Jenis jenayah	Tempoh gelandangan	Status Perkahwinan	Ketagihan dadah	Masalah kesihatan	Hubungan kekeluargaan
1	Jalil	Lelaki	Melaka	56 tahun	Tingkatan tiga	5 kali penjara	Dadah	3 tahun	Bujang	Berhenti	Tiada	Penolakan keluarga
2	Yusuf	Lelaki	Kelantan	40 tahun	Tingakatan tiga	4 kali	Dadah	4 tahun	Bujang	Ketagih	Tiada	Penolakan keluarga
3	Ilham	Lelaki	Kedah	33 tahun	Tingkatan dua	6 kali penjara	Curi dan dadah	5 tabun	Bujang	Ketagih (Heroin)	Tiada	Penolakan keluarga
4	Iman	Lelaki	Perak	56 tahun	Tingkatan 6	36 rekod	Dadah	2 tahun	Bujang	Ketagih	Hanya Asma	Penolakan keluarga
5	Halim	Lelaki	Perak	35 tahun	Darjah 6	1 kali penjara	mencuri	2 tahun	Bujang	Tiada ketagihan	Tiada	Isteri dipenjara di penjara kajang Mak masih hidup. Ayah sudah meninggal
6	Shima	Perempuan	Sarawak	30 tahun	Tingkatan 3	24 kali (keluar masuk penjara)	Ic hilang dan dadah	12 tahun	Janda	Ketagihan	HIV	Penolakan kelurga/ disinggkir oleh kelurga
7	Yusairi	Lelaki	Perak	36 Tahun	Sijil Kemahiran	6 Kali	Jenayah pecah masuk	8 Tahun	Duda	Ketagihan	Hepatitis c	Penolakan keluarga
8	Azim	Lelaki	Negeri Sembilan	60 Tahun	Tingkatan 5	4 kali	Dadah (Heroin)	30 Tahun	Duda	Ketagihan (Heroin)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga

Sambungan Jadual 1: Profil Demografi Sosial Responden Gelandangan Bekas Banduan

No.	Demografi Responden	Jantina	Negeri Asal	Umur	Taraf Pendidikan	Jumlah pemenjaraan	Jenis jenayah	Tempoh gelandangan	Status Perkahwinan	Ketagihan dadah	Masalah kesihatan	Hubungan kekeluargaan
9	Rahim	Lelaki	Selangor	56 Tahun	Tingkatan 5	8 kali	Dadah	4 Tahun	Berkahwin	Berhenti	Tiada	Keluarga isteri membantu
10	Akbar	Lelaki	Kedah	53 Tahun	Tingkatan 5	3 Kali	Dadah	20 tahun	Bujang	Berhenti (sedang mengambil program methadone)	Tiada	Tidak mahu mengganggu keluarga
11	Manaf	Lelaki	Selangor	59 Tahun	Tingkatan 5	1 kali	Dadah	1 Tahun	Duda	Tidak mempunyai ketagihan	Tiada	Penolakan Keluarga
12	Naim	Lelaki	Kuala Lumpur	64 Tahun	Tingkatan 5	9 kali	7 Dadah dan 2 senjata	32 Tahun (berulang kali menjadi gelandangan)	Duda	Ketagihan (heroin)	Tiada	Responden menjauhkan diri dari keluarga.
13	Danish	Lelaki	Perak	80 Tahun	Darjah 6	1 kali (32 tahun penjara)	Jual ganja	20 Tahun (pernah tinggal di PTG dan akhirnya hidup di jalanan)	Duda	Ketagihan (ganja)	Darah tinggi, kencing manis dan kolesterol	Responden tidak mahu menyusahkan anak-anaknya.
14	Faiz	Lelaki	Melaka	59 Tahun	Darjah 6	1 kali	Dadah	7 tahun (gelandangan)	Bujang	Berhenti	Asma	Responden tidak mahu menyusahkan keluarga.
15	Zamani	Lelaki	Kedah	31 Tahun	Tingkatan 3	6 Kali	Dadah	3 Tahun	Bujang	Ketagihan	Psikologi	Adik beradik tidak boleh menerima responden

Hasil temu bual dikelompokkan seperti berikut:

Tema Superordinat Pertama: Makna dalam Kehidupan

Hasil kajian telah membawa kepada penemuan empat sub-tema utama yang membincangkan tentang makna dalam kehidupan buat gelandangan bekas banduan. Pengkaji melampirkan kesemua sub-tema seperti berikut:

i. Menjalani kehidupan seperti biasa

Pengkaji mendapati terdapat tiga orang informan gelandangan bekas banduan iaitu Jalil, Halim, Naim yang mengatakan mereka memilih untuk menjalani kehidupan seperti biasa. Mereka bertiga melihat makna dalam kehidupan mereka adalah dengan meneruskan kehidupan setiap hari. Jalil melihat makna itu sebagai hidup seperti biasa. Halim juga melihat makna sebagai hidup beliau dengan kehidupan dan Naim yang mengatakan tentang menjalani kehidupan sama seperti hari sebelumnya. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

“Makna bagi saya adalah hidup seperti biasa. Sebab setiap hari saya memang jalani kehidupan seperti biasa. Saya bangun pagi, dan mulakan hidup seperti biasa.” (Jalil)

“Kehidupan ini perlu dilalui. Tiada apa yang berbeza pun. Itu yang saya lihat dengan hidup saya dan kehidupan saya” (Halim)

“Saya hanya melalui kehidupan ini macam hari-hari sebelumnya. Saya melihat kehidupan macam itu. Saya tidak merasa apa-apa. Saya melalui setiap hari seperti ini” (Naim)

ii. Menerima Hakikat terhadap Kehidupan (Pasrah dan Redha)

Seramai tiga orang informan gelandangan bekas banduan iaitu Manaf, Faiz dan Zamani yang mengatakan makna dalam kehidupan mereka adalah menerima hakikat tentang kehidupan seperti yang ditetapkan. Kenyataan mereka menunjukkan bahawa mereka pasrah, menerima dan redha dengan ketentuan yang telah ditetapkan. Ketiga-tiga memberikan pandangan yang hampir serupa apabila ditanya tentang makna dalam kehidupan. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

“Saya menerima keadaan hidup saya begini. Saya tahu tiada apa yang boleh saya lakukan pun. Saya sudah lama hidup macam ini” (Manaf)

“Saya telah redha dengan apa yang berlaku. Itu yang saya lihat tentang hidup. Saya terima sahaja” (Faiz)

“Saya pun sudah pasrah sebab diuji dengan kehidupan sebagai gelandangan. Saya tidak mempunyai pilihan yang banyak” (Zamani)

iii. Cuba Memastikan Kelangsungan Hidup

Pengkaji juga mendapati terdapat dua orang informan gelandangan bekas banduan iaitu Shima dan Akbar yang memberi pandangan tentang memastikan kelangsungan hidup mereka sebagai makna dalam kehidupan. Shima melihat beliau perlu meneruskan kehidupannya. Manakala Akbar pula mengatakan keperluan untuk memastikan kelangsungan hidup dengan mencari cara untuk menjana pendapatan. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

“Hari -hari saya akan memastikan bagaimana nak meneruskan kehidupan saya” (Shima)

“Saya meneruskan hidup seperti biasa dan cuba mencari jalan dalam memperolehi pendapatan untuk hidup” (Akbar)

iv. Perasaan Kekecewaan

Dan akhir sekali pengkaji mendapati terdapat tiga orang informan gelandangan bekas banduan iaitu Yusairi, Rahim dan Danish yang mengatakan tentang merasa kecewa dengan diri sebagai makna dalam kehidupan. Ketiga-tiga mengatakan tentang perasaan kekecewaan yang berlaku melihat kehidupan yang terpaksa dilalui. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

“Tipu lah tidak kecewa dengan kehidupan yang dialami ini. Saya memang pernah rasa kecewa kadang-kadang. Tapi nak buat macam ini. Itu nasib dalam kehidupan saya” (Yusairi)

“Makna hidup saya ini sangat mengecewakan. Saya pernah juga rasa kecewa dengan hidup” (Rahim)

“Kadang-kadang saya lihat kecewa juga dengan hidup. Itu apa yang lihat dengan hidup ini” (Danish)

Tema Superordinat Kedua: Bentuk Daya Ketahanan Diri

Hasil kajian telah membawa kepada penemuan tiga sub-tema utama yang membincangkan tentang bentuk daya ketahanan diri dalam gelandangan bekas banduan. Pengkaji melampirkan kesemua sub-tema seperti berikut:

i. Kemampuan Menyesuaikan Diri

Hasil kajian mendapati terdapat empat orang informan gelandangan bekas banduan iaitu Yusuf, Yusairi, Manaf dan Zamani yang menyebut tentang kebolehan atau kemampuan mereka untuk menyesuaikan diri sebagai salah satu bentuk daya ketahanan diri yang dipilih oleh mereka. Mereka berusaha untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlaku. Keadaan hidup sebagai gelandangan yang penuh dengan tekanan memerlukan keupayaan gelandangan bekas banduan untuk mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran hidup di jalanan. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

“Saya menyesuaikan diri dengan kehidupan saya. Saya menjalani kehidupan ini seperti biasa” (Yusuf)

“Saya akan cuba untuk mencari cara dalam menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlaku di sekeliling” (Yusairi)

“Saya banyak memilih untuk mengambil langkah menyesuaikan diri apabila sesuatu yang berlaku. Kebanyakan saya cuba mencari jalan dalam menyelesaikan tekanan yang dihadapi.” (Manaf)

“Saya cuba menyesuaikan diri dengan kehidupan diri dengan kehidupan jalanan. Kehidupan di jalanan ini tidak mudah, maka saya perlu cari cara untuk menyesuaikan diri” (Zamani)

ii. Ketahanan boleh Berubah dari Masa ke Semasa

Pengkaji mendapati terdapat tiga orang informan gelandangan bekas banduan iaitu Halim, Akbar, Faiz yang menyebut tentang ketahanan mereka ini boleh berubah dari semasa ke semasa. Mereka membentuk suatu daya ketahanan diri bergantung kepada keadaan pada ketika itu. Hal ini kerana, mereka akan cuba beradaptasi dengan keadaan yang berlaku. Keadaan hidup dan cabaran yang melanda akan menentukan

bentuk daya ketahanan diri yang akan dipilih oleh seseorang gelandangan bekas banduan itu. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

“Saya ini ikut keadaan. Kadang-kadang saya kena berubah mengikut keadaan yang diperlukan dalam menjalani kehidupan” (Halim)

“Saya banyak mengikut langkah mengikut keadaan. Saya akan mengubah kaedah dalam menghadapi kehidupan ini” (Akbar)

“Hidup seperti gelandangan ini perlu pandai adjust keadaan hidup. Kita kena tahu apa yang boleh dilakukan dalam menghadapi hidup. Kadang-kadang ada waktu kena buat macam ini. Esok pula kena guna kaedah lain dalam menjalani kehidupan bergelandangan” (Faiz)

iii. Mengatur Diri dalam Menghadapi Peristiwa yang tidak Menyenangkan

Dan akhir sekali, pengkaji mendapati terdapat dua orang informan gelandangan bekas banduan iaitu Rahim dan Naim yang menyebut tentang pemilihan dalam membentuk strategi dan mengatur diri dalam menghadapi peristiwa yang tidak menyenangkan. Mereka akan mengenal pasti strategi yang bersesuaian dalam menghadapi keadaan hidup dan cabaran yang menimpa mereka. Setiap hari, mereka akan memastikan keupayaan mereka dalam menghadapi kehidupan di jalanan ini. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

“Saya cuba mengatur diri saya dalam menghadapi kehidupan sebagai gelandangan” (Rahim)

“Saya banyak menyusun apa yang saya nak buat setiap hari. Hidup saya macam rutin. Saya cuba memastikan saya mampu menghadapi hidup” (Naim)

Perbincangan

Hasil kajian mendapati makna dalam kehidupan gelandangan bekas banduan menunjukkan bahawa mereka menerima keadaan hidup yang dialami. Kehidupan bergelandangan memberi kesan kepada kesejahteraan hidup mereka. Makna dalam kehidupan dianggap sebagai asas kesejahteraan, motivasi manusia, dan keperluan hidup (Maslow, 1968). Makna adalah keadaan perasaan yang diinginkan yang ingin dicapai oleh manusia, dan ketiadaannya pasti mengganggu (Heintzelman, & King, 2018). Ia terbukti apabila melihat keadaan yang dilalui oleh gelandangan bekas banduan apabila mereka menerima hakikat dengan situasi yang berlaku dalam diri. Mereka berterusan menjalankan kehidupan seperti biasa. Penyelidikan yang banyak dan berkembang membenarkan nilai yang diberikan kepada makna dalam kehidupan sebagai aspek penting dalam fungsi manusia. Makna dalam kehidupan boleh dikaitkan dengan fizikal (Roepke, Jayawickreme, & Riffle, 2014), kognitif (Boyle et al., 2010), sosial (Stillman et al., 2011), pekerjaan (Littman-Ovadia & Steger, 2010), dan psikologi (Owens et al., 2009). Usaha untuk memahami apa yang menjadikan kehidupan bermakna adalah suatu matlamat penting. Ia terbukti apabila gelandangan bekas banduan masih melihat makna dalam kehidupan dengan meneruskan kehidupan seperti biasa. Kehidupan yang daif dan sukar tidak memberi kesan dalam memastikan proses kehidupan terus berlangsung setiap hari. Walaupun mereka melaporkan perasaan kekecewaan yang berlaku disebabkan keadaan hidup, namun mereka masih mencari cara untuk memastikan kelangsungan hidup mereka seharian. Heitzelman dan King (2018) mencadangkan bahawa rutin duniawi adalah antara banyak perkara yang dapat membuat hidup terasa bermakna. Makna dalam kehidupan yang muncul dari dalam diri gelandangan bekas banduan berpunca daripada kehidupan di jalanan yang penuh dengan cabaran. Ia terbukti daripada hasil dapatan kajian yang menunjukkan mereka mempunyai rasa penerimaan dengan takdir kehidupan dan memilih untuk meneruskan kehidupan yang ada.

Selain itu, kehidupan di jalanan memerlukan gelandangan bekas banduan membentuk daya ketahanan diri dalam menghadapi kehidupan. Daya ketahanan diri adalah kemampuan untuk memiliki hasil yang baik walaupun ada ancaman terhadap perkembangan seseorang, dengan ketahanan berfungsi sebagai hasil semula jadi dari sistem adaptasi seseorang. Hasil kajian mendapati gelandangan bekas

banduan sering memilih untuk menyesuaikan diri sebaik mungkin dengan segala keadaan yang berlaku kepada mereka. Kehidupan sebagai gelandangan memerlukan mereka untuk beradaptasi dengan keadaan sekeliling. Mereka akan berubah mengikut keadaan. Bentuk daya ketahanan diri yang digunakan oleh gelandangan bekas banduan tidak semestinya sama. Mereka akan menggunakan apa sahaja bentuk daya ketahanan diri yang dilihat bersesuaian dalam menghadapi keadaan yang berlaku pada sesuatu masa. Kajian Thompson et al., (2011) telah meneroka persepsi ketahanan di antara orang dewasa muda yang hidup bergelandangan dengan mempertimbangkan ketahanan yang tidak konvensional dalam kalangan populasi berisiko tinggi. Penemuan mendedahkan empat tema utama yang menyoroti persepsi ketahanan, termasuk kekuatan individu, perspektif kehidupan positif, sokongan sosial luaran, dan strategi daya tindak individu. Ketahanan menumpukan kepada kemampuan individu untuk pulih dari keadaan tertekan, bahkan trauma (Luthar, Cicchetti & Becker, 2000). Ia terbukti di dalam kajian ini apabila mereka akan mengatur apa sahaja strategi yang didapati bersesuaian untuk menghadapi peristiwa yang tidak menyenangkan.

Pelbagai faktor risiko dan perlindungan telah dikaitkan dengan ketahanan, termasuk sokongan sosial, hubungan sosial, kepercayaan agama, lokus kawalan dalaman, dan emosi positif (Thompson et al., 2011). Terdapat kajian berkaitan daya ketahanan diri yang dilakukan dalam kalangan gelandangan belia. Ketahanan diri di jalanan dikembangkan ketika gelandangan belia belajar di mana mencari sumber, menentukan siapa yang mereka boleh percayai, dan menyesuaikan diri dengan struktur sosial dan budaya ekonomi jalanan (Lankenau et al., 2005). Dalam konteks kajian ini, hal ini dapat dilihat apabila mereka cuba memastikan kelangsungan hidup sebagai gelandangan. Kemahiran yang diperoleh melalui pengalaman hidup membolehkan gelandangan bekas banduan ini menggunakan kecekapan mereka bagi menghadapi persekitaran yang boleh membantu mereka bertahan dengan kehidupan seharian mereka. Kualiti peribadi yang berkaitan dengan ketahanan termasuk keberkesanan diri, kemampuan menyesuaikan diri, dan mempunyai pendekatan berorientasikan tindakan (Connor & Davidson, 2003). Menurut Kim-Cohen dan Turkewitz, (2012), ketahanan boleh berubah dari masa ke semasa sebagai fungsi pembangunan dan interaksi seseorang dengan persekitaran. Di samping itu, tindak balas individu terhadap tekanan dan trauma berlaku dalam konteks interaksi dengan manusia lain, sumber yang ada, budaya dan agama tertentu, organisasi, masyarakat dan masyarakat (Sherrieb, Norris & Galea, 2010). Sebenarnya, tugas untuk memahami bentuk daya ketahanan diri gelandangan bekas banduan ini telah menjadi fokus kajian kepada yang berusaha memahami bagaimana golongan ini menghadapi keadaan kesukaran. Kebanyakan golongan gelandangan bekas banduan ini memerlukan pertimbangan kekuatan dalaman yang ada dalam diri mereka. Konstruk daya ketahanan diri telah dibahas dalam pelbagai cara dalam literatur, walaupun pada dasarnya konsepnya tetap tidak berubah, dengan memfokuskan kepada keupayaan untuk menghadapi peristiwa yang buruk dalam kehidupan. Dapatan yang hampir selari menunjukkan keadaan sekeliling dan persekitaran telah membentuk pengalaman buat gelandangan bekas banduan untuk membina bentuk daya ketahanan diri dalam menghadapi kehidupan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapatan menunjukkan kehidupan gelandangan bekas banduan bukan suatu yang mudah. Mereka menghadapi pelbagai cabaran dari hari ke hari sehingga mampu memberi kesan kepada kesejahteraan hidup mereka. Kehidupan yang mencabar telah membawa kepada pembentukan makna dalam kehidupan buat gelandangan bekas banduan ini. Kajian mendapati gelandangan bekas banduan ini menerima kehidupan mereka dengan memilih untuk meneruskan kehidupan seperti biasa. Mereka juga menerima kehidupan yang dilalui. Walaupun mempunyai rasa kecewa, tetapi mereka tetap ingin memastikan kelangsungan hidup. Kehidupan bergelandangan memerlukan gelandangan bekas banduan untuk membentuk daya ketahanan diri dalam mengurangkan tekanan dan menghadapi keadaan sekeliling. Mereka melakukan apa sahaja untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang berlaku di jalanan. Bentuk daya ketahanan juga didapati akan berubah mengikut keadaan dan kesesuaian dalam menghadapi sesuatu cabaran hidup. Akhirnya, isu gelandangan bekas banduan sememangnya bukan suatu masalah sosial biasa yang boleh dihiraukan tanpa mencari jalan penyelesaian segera. Diharap

kajian ini dapat membantu agensi kerajaan dan pembuat polisi dalam memperkenalkan intervensi yang mampu membantu golongan gelandangan bekas banduan agar dapat keluar daripada kehidupan jalanan.

Penghargaan

Penghargaan kepada pembiayaan geran yang dikenali sebagai geran Penjanaaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini.

Rujukan

- Alowaimer, O. (2018). Causes, effects and issues of homeless people. *Journal of Socialomics*, 7(3), 1-4.
- Ang, R. P., & Jiaqing, O. (2012). Association between caregiving, meaning in life, and life satisfaction beyond 50 in an Asian sample: Age as a moderator. *Social Indicators Research*, 108, 525–534. doi:10.1007/s11205-011-9891-9.
- Bender, K., Thompson, S. J., McManus, H., Lantry, J., & Flynn, P. M. (2007). Capacity for survival: Exploring strengths of homeless street youth. *Child and Youth Care Forum*, 36, 25–42.
- Bonanno, G. A., & Diminich, E. D. (2013). Annual research review: Positive adjustment to adversity-Trajectories of minimal impact resilience and emergent resilience. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 54, 378-401.
- Boyle, P.A., Buchman, A.S., Barnes, L.L., & Bennett, D.A. (2010). Effect of a purpose in life on risk of incident Alzheimer disease and mild cognitive impairment in community-dwelling older persons. *Archives of General Psychiatry*, 67, 304–310.
- Brandstätter, M., Baumann, U., Borasio, G. D., & Fegg, M. J. (2012). Systematic review of meaning in life assessment instruments. *Psycho-Oncology*, 21(10), 1034–1052. doi:10.1002/pon.2113
- Brassai, L., Piko, B. F., & Steger, M. F. (2010). Meaning in life: Is it a protective factor for adolescents' psychological health? *International Journal of Behavioral Medicine*, 18(1), 44–51. doi:10.1007/s12529-010-9089-6
- Connor, K. M., & Davidson, J. (2003). Development of a new resilience scale: The Connor-Davidson resilience scale (CD-RISC). *Depression and Anxiety*, 18, 76–82.
- Drani, S., Azman, A., & Singh, P. S. J. (2019). Pengetahuan gelandangan terhadap peranan dan keperluan pekerja sosial. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(2).
- Fjelland, J.E., Barron, C.R., & Foxall, M.A (2008). Review of instruments measuring two aspects of meaning: Search for meaning and meaning in illness. *J Adv Nurs*, 62(4), 394–406.
- Folkman, S., & Moskowitz, J. T. (2004). Coping: Pitfalls and promise. *Annual Review of Psychology*, 55, 745–774. doi:10.1146/annurev.psych.55.090902.141456
- George, L. S., & Park, C. L. (2013). Are meaning and purpose distinct? An examination of correlates and predictors. *The Journal of Positive Psychology*, 8, 365–375.
- Heintzelman, S. J., & King, L. A. (2013). On knowing more than we can tell: Intuitive processes and the experience of meaning. *The Journal of Positive Psychology*, 8, 471–482.
- Heintzelman, S. J., & King, L.A. (2014). Life is pretty meaningful. *American Psychologist*, 69, 561–574.
- Heintzelman, S.J., & King, L.A (2018). Routines and meaning in life. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 1–12. <https://doi.org/10.1177/0146167218795133>
- Hicks, J.A., & King, L.A. (2007). Meaning in life and seeing the big picture: positive affect and global focus. *Cogn Emot*, 21, 1577–84.
- Hicks, J.A., Schlegel, R. J., & King, L. A. (2010). Social threats, happiness, and the dynamics of meaning in life judgments. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 36, 1305–1317.
- Kiang L, & Fuligni, A.J. (2009). Ethnic identity and family processes among adolescents from Latin American, Asian, and European backgrounds. *Journal of Youth and Adolescence*, 38:228–241.
- Kidd, S. A., Miner, S., Walker, D., & Davidson, L. (2007). Stories of working with homeless youth: On being “mind-boggling”. *Children and Youth Services Review*, 29, 16-34.

- Kim-Cohen, J., & Turkewitz, R. (2012). Resilience and measured gene-environment interactions. *Development and Psychopathology*, 24, 1297-1306.
- King, L.A., Hicks, J. A., Krull, J. L., & Del Gaiso, A. K. (2006). Positive affect and the experience of meaning in life. *Journal of Personality and Social Psychology*, 90, 179–196.
- Lankenau, S. E., Clatts, M. C., Welle, D., Goldsamt, L. A., & Gwadz, M. V. (2005). Street careers: Homelessness, drug use, and sex work among young men who have sex with men (YMSM). *International Journal of Drug Policy*, 16(1), 10-18.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping*. New York, NY: Springer.
- Leontiev, D.A. (2006). Meaningful living and the worlds of art. In A. Della Fave (Ed.). *Dimensions of well-being research and intervention* (pp. 529–537). Milano: Franco Angeli.
- Leontiev, D.A. (2013). Personal meaning: A challenge for psychology. *The Journal of Positive Psychology*, 8, 459–470.
- Littman-Ovadia, H., & Steger, M.F. (2010). Character strengths and well-being among volunteers and employees. *Journal of Positive Psychology*, 6, 419–430.
- Luthar, S. S., Cicchetti, D., & Becker, B. (2000). The construct of resilience: A critical evaluation and guidelines for future work. *Child Development*, 71, 543-562. doi:10.1111/1467-8624.00164.
- Martela, F., & Steger, M. F. (2016). The three meanings of meaning in life: Distinguishing coherence, purpose, and significance. *Journal of Positive Psychology*, 11, 531-545.
- Maslow, A. H. (1968). *Toward a psychology of being* (2nd ed.). New York, NY: John Wiley
- Mohd Alif, J., Siti Hajar, A.B.A., Noralina, O., & Norruzeyati, C.M.N. (2021b). Makna dalam kehidupan dan makna Jalan Chow Kit berdasarkan teori interaksi simbolik: Kajian ke atas gelandangan bekas banduan. *e-Bangi*, 18(8), 82-106.
- Mohd Alif, J., Siti Hajar, A.B.A., Norruzeyati, C.M.N., & Noralina, O. (2021a). Faktor mempengaruhi bekas banduan menjadi gelandangan: Kajian Kes di Kuala Lumpur. *Jurnal Perspektif*, 13, 1102-116
- Mohd Shukri, H. (2016). Antara bantuan kemanusiaan dan tret personaliti. *Majalah Dakwah*, 32, 16-20.
- Mohd Suhaimi, M., Khaidzir, I., Nasrudin, S., & Nik Hairi, O. (2016). Hubungan di antara kesihatan mental dengan minat kerjaya dalam kalangan gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia. *Akademia*, 86(1), 11-19.
- Owens, G. P., Steger, M. F., Whitesell, A. A., & Herrera, C. J. (2009). Relationships among posttraumatic stress disorder, guilt, and meaning in life for military veterans. *Journal of Traumatic Stress*, 22, 654–657.
- Perron, J. L., Cleverley, K., & Kidd, S. A. (2014). Resilience, loneliness, and psychological distress among homeless youth. *Archives of Psychiatric Nursing*, 28, 226–229.
- Roepke, A. M., Jayawickreme, E., & Riffle, O. M. (2014). Meaning and health: A systematic review. *Applied Research in Quality of Life*, 9, 1055-1079.
- Rutter, M. (2006). Implications of resilience concepts for scientific understanding. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1094, 1–12.
- Sherrieb, K., Norris, F. H., & Galea, S. (2010). Measuring capacities for community resilience. *Social Indicators Research*, 99(2), 227_247.
- Siahpush, M., Spittal, M., & Singh, G.K. (2008). Happiness and life satisfaction prospectively predict self-rated health, physical health, and the presence of limiting, long-term health conditions. *Am J Health Prom*, 23, 18–26.
- Steger, M. F. (2009). Meaning in life. In S. J. Lopez (Ed.). *Oxford handbook of positive psychology* (2nd ed., pp. 679–687). Oxford, UK: Oxford University Press.
- Steger, M. F. (2012). Experiencing meaning in life: Optimal functioning at the nexus of spirituality, psychopathology, and well-being. In P. T. P. Wong (Ed.). *The Human Quest for Meaning* (2nd ed., pp. 165–184). New York: Routledge
- Steger, M. F., Frazier, P., Oishi, S., & Kaler, M. (2006). The meaning in life questionnaire: Assessing the presence of and search for meaning in life. *Journal of Counselling Psychology*, 53, 80–93.
- Steger, M., & Kashdan, T. (2007). Stability and specificity of meaning in life and life satisfaction over one year. *J Happiness Stud*, 8, 161–79.

- Steger, M.F., Oishi, S. & Kesebir, S. (2011) Is a life without meaning satisfying? The moderating role of the search for meaning in satisfaction with life judgments, *The Journal of Positive Psychology*, 6(3), 173-180
- Stillman, T. F., Lambert, N. M., Fincham, F. D., & Baumeister, R. F. (2011). Meaning as magnetic force: Evidence that meaning in life promotes interpersonal appeal. *Social Psychological & Personality Science*, 2, 13-20.
- Syazwani, D. (2016). *Dinamik kehidupan golongan gelandangan di Pulau Pinang*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Thompson, R.W., Arnknoff, D.B., & Glass, C.R. (2011). Conceptualizing mindfulness and acceptance as components of psychological resilience to trauma. *Trauma, Violence & Abuse*, 12(4), 220-235.
- Ungar, M. (2004). *Nurturing hidden resilience in troubled youth*. Toronto, Canada: University of Toronto Press.
- Wong, P. T. P. (2012a). Toward a dual-systems model of what makes life worth living. In P. T. P. Wong (Ed.). *The Human Quest for Meaning: Theories, Research, and Applications* (2nd ed.) (pp. 3–22). New York, NY: Routledge.
- Wong, P.T.P. (2012b). From logotherapy to meaning-centered counseling and therapy. In P.T.P. Wong (Ed.), *The Human Quest for Meaning: Theories, Research, and Applications* (2nd ed., pp. 619–647). New York: Routledge.
- Wright, N. M. J., & Tomkins, C. N. E. (2006). How can health services effectively meet the health needs of homeless people? *British Journal of General Practice*, 56(525), 286-293.